

DASAR/GARISPANDUAN PEMASANGAN BONGGOL JALAN “SPEED BUMPS”

SURAT PEKELILING NO. 3 /2015

DARIPADA: Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan
Tempatan dan
Pembangunan Komuniti

KEPADA: Setiausaha
- Majlis Bandaraya Miri
- Majlis Perbandaran Sibu dan Padawan
- Majlis-Majlis Daerah

SALINAN Sila Lihat Senarai

PERKARA: SILA LIHAT DI BAWAH

RUJ. KAMI: LGCD/ADM/52 JLD.16 **TARIKH:** 8 Jun 2015


DASAR/GARISPANDUAN PEMASANGAN "SPEED BUMPS"

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat rujukan RSC/02/1(23) bertarikh 6 Mei 2015 daripada Majlis Keselamatan Jalanraya Sarawak berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Jalanraya Sarawak memutuskan supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak menggunakan garispanduan/SOP bagi pemasangan "Speed Bumps" di kawasan perumahan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara kepada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil. 1/2014. Salinan garispanduan/SOP tersebut untuk tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"


(DATU DR. PENGUANG MANGGIL)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan
Pembangunan Komuniti



- s.k. 1. Pengarah,
Unit Pentadbiran,
Jabatan Ketua Menteri
2. Pengarah
Dewan Bandaraya Kuching Utara
3. Pem. Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Kuching Selatan
4. Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Bintulu

**SURAT PEKELILING DRPD KEMENTERIAN
KERAJAAN TEMPATAN**

Pengerusi - Menteri Pembangunan
Infrastruktur & Perhubungan
Naib Pengerusi - Menteri Muda Pembangunan
Infrastruktur & Perhubungan
Setiausaha - Ketua Peolng Setiausaha
Kementerian Pembangunan
Infrastruktur & Perhubungan



d/a Kementerian Pembangunan
Infrastruktur & Perhubungan,
Tingkat 4, Bangunan Bainulmakmur,
Jalan Tun Datuk Patinggi Abdul Rahman Yakub,
93050 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel : 082 - 442259/441585/311815
Faks : 082 - 311692

Rujukan Kami: RSC/02/1(23)

06 May 2015

Setiausaha Tetap,
Kementerian Kerajaan Tempatan dan
Pembangunan Komuniti.
(u.p. Abdul Syed Kadir bin Abdul Wahab)

Tuan,

DASAR/GARIS PANDUAN PEMASANGAN "SPEED BUMP."

Dengan hormatnya saya merujuk kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil. 1/2015 Minit No. 3.4 mengenai perkara tersebut.

2. Sebagai makluman, taklimat mengenai Garis Panduan/SOP DBKU untuk pemasangan *Speed Bumps* di kawasan perumahan telah disampaikan oleh DBKU pada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil. 1/2014 (salinan disertakan) sehubungan itu, mesyuarat telah mengesyorkan agar Kementerian tuan meneliti untuk memanjangkan Garis Panduan/SOP tersebut kepada PBT-PBT lain.

3. Perhatian pihak tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

"KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"
"BERHATI-HATI DAN BERTIMBANG RASA DI JALAN RAYA"

THIAN KUI NYIT
Setiausaha
Majlis Keselamatan Jalanraya Sarawak

**SURAT MAJLIS KESELAMATAN JALANRAYA
SARAWAK**

KANDUNGAN GARIS PANDUAN BONGGOL JALAN UNTUK DIGUNAPAKAI PBT-PBT

Pekeliling no.3/2015 kementerian kerajaan tempatan dan pembangunan komuniti

1.0 TUJUAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN

Tujuan utama YANG DIJADIKAN ASAS PEMNINAAN BONGGOL JALAN

Mengawal, memberi amaran & panduan hadlaju kpd pengguna jalan

Dibina mengikut keperluan tapak berdasarkan penilaian tapak serta peraturan keselamatan jalanraya

Sistem pereda lalulintas. Binaan jalan berturap yg dinaikkan secara vertical untuk memperlahankan lalulintas

Isipadu trafik yg rendah (600-5000 kenderaan sehari)

Mengubah sikap pemanduan ke atas kawasan yang dilalui

Mengurangkan risiko keselamatan pengguna tidak bermotor (pejalan kaki, basikal dll)

1.1 KRITERIA-KRITERIA PEMBINAAN BONGGOL

Kriteria pembinaan Bonggol jalan

- Mudah dilihat oleh pemandu pada kelajuan yang ditetapkan
- Boleh menarik perhatian pemandu dari jarak sesuai
 - Mengandungi maklumat yg mudah difahami dlm sekilas pandang
 - Lokasi pemasangan tidak menyebabkan gangguan pandangan ketika memandu
 - Berkesan pada waktu siang dan malam
 - Seragam mengikut piawaian
 - Dipasang dibawah lampu jalan

1.2 DUA (2) JENIS BONGGOL JALAN

Terdapat (2) jenis Bonggol Jalan berdasarkan Traffic Calming Guideline Highway Planning Unit, Kementerian Kerja Raya

Road Bump – (Speed Bump)

Road Hump – (Speed Table/Hump)

1.2.1 APLIKASI REKABENTUK ROAD BUMP (SPEED BUMP)

Pemasangan di jalan satu atau dua Lorong Sehalu

Tidak sesuai di kawasan persimpangan

Sesuai digabungkan dgn penanda jalan "speed breaker"

Keadaan trafik

- Hadlaju limit 25-30 km/j

Tinggi

- 75mm – 100mm

Lebar

- 1 meter – 1.5 meter

Penurunan Hadlaju

- 8km/j – 15 km/j

1.2.1 APLIKASI REKABENTUK ROAD BUMP (SPEED BUMP)

| Bahan Digunakan | Ukuran | Papan tanda/ Tandaan Jalan |
|---------------------------------|--|---|
| Asphaltic Premix Wearing Course | Permukaan Bulat (Round – Top) Lebar : 1 meter – 1.5 meter Tinggi : 75mm – 100mm at the mid points and transition at both ends Jarak: Min. 100m between bump to bump. Min. 10m from road junction | WD 50 – ROAD BUMP TANDAAN JALAN WARNA KUNING |

1.2.2 CONTOH APLIKASI ROAD BUMP



1.3 Aplikasi rekabentuk road hump

Pemasangan di jalan satu Lorong
sehala

Pemasangan merentasi keseluruhan
permukaan jalan keadaan trafik

Hadlaju di antara 25 km/j – 30 km/j

Tinggi

- 75mm – 100mm

Lebar

- 3.7 meter – 4.25 meter

Penurunan Hadlaju

- 15km/j – 30km/j

1.3.1 APLIKASI REKABENTUK ROAD HUMP (SPEED TABLE/HUMP)


| Bahan Digunakan | Ukuran | Papan Tanda/Tandaan Jalan |
|---------------------------------|--|--|
| Asphaltic Premix Wearing Course | Permukaan Parabola (Sinudoidal) Lebar: 3.8 meter – 4.24 meter Tinggi: 75mm – 100mm | WD50 – Road Bump Tandaan Jalan Warna Kuning |

1.3.2 CONTOH APLIKASI ROAD HUMP




1.4 JENIS PERMUKAAN


a. *Road Bump*



b. *Road Hump*



1.5 LUKISAN APLIKASI PENANDA JALAN



2.0 Kedudukan papan tanda amaran kedua menunjukkan hadlaju saranan **50 m** sebelum bonggol (WD49) (jika perlu)



2.1 Kedudukan Papan Tanda Amaran Di Lokasi Bonggol (WD50)



3.0 PERATURAN-PERATURAN KELULUSAN PEMBINAAN BONGGOL

- Hendaklah dikemukakan melalui sesebuah Jawatankuasa atau Pertubuhan
- Permohonan secara individu **tidak dipertimbangkan**

3.1 Permohonan boleh dibuat melalui saluran berikut:-


Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

Yang Berhormat Kawasan

Badan Bukan Berkanun (NGO)

Jabatan Kerajaan

4.0 KAWASAN DI BENAR UNTUK DIBINA BONGGOL JALAN



5.0 Kawasan tidak dibenar membina bonggol

- ❖ JALAN PROTOKOL**
- ❖ PERSIMPANGAN JALAN**
- ❖ BERDEKATAN DENGAN LAMPU LINTAS**

**CADANGAN PERATURAN-
PERATURAN TAMBAHAN
KELULUSAN PEMBINAAN
BONGGOL BAGI LAIN-LAIN JALAN
(PERUMAHAN) DIBAWAH
KAWASAN PENTADBIRAN MBM**



PERKARA - PERKARA PERLU DALAM PERTIMBANGAN PERMOHONAN BONGGOL JALAN DI KAWASAN MBM

➤ **ASPEK KESELAMATAN PENDUDUK DAN PENGGUNA JALAN YANG LAIN**

Memberikan pertimbangan kepada permohonan terutamanya kawasan perumahan selain daripada yang dinyatakan di para 4.0 terutama apabila melibatkan aspek keselamatan jalan raya. Setiap permohonan hendaklah telah dipersetujui sekurang-kurangnya 60% pada jalan tersebut.

➤ **MEMENUHI GARIS PANDUAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN YANG DIKELUARKAN KEMENTERIAN**

Setiap permohonan / kelulusan akan dibuat berdasarkan Garis Panduan yang telah sedia ada.

➤ **IMPLIKASI KOS**

Selain mendapat persetujuan melebihi 60% daripada penduduk, implikasi kos hendaklah diambil kira dalam pertimbangan kelulusan.

6.0 CADANGAN PERATURAN-PERATURAN TAMBAHAN PEMBINAAN BONGGOL BAGI JALAN-JALAIN SELAIN DARIPADA YANG DINYATAKAN DI PARA 4.0 (KAWASAN PERUMAHAN)

PERMOHONAN AKAN DIPERTIMBANGKAN

- ✓ Permohonan hendaklah dibuat melalui sesebuah Jawatankuasa / Pertubuhan / Ketua Kaum / Masyarakat / Ahli Majlis dan telah ditandatangani dan persetujuan minimum 60% penduduk pada satu-satu jalan serta turut disertakan pelan lokasi.
- ✓ Bagi permohonan yang tidak disertakan tandatangan, *Survey* akan dibuat dan persetujuan minimum 60% juga terpakai. Walaubagaimanapun permohonan juga harus melalui sesebuah Jawatankuasa / Pertubuhan / Ketua Kaum / Masyarakat
- ✓ Jalan / Lorong mati yang mempunyai panjang melebihi 200m
- ✓ Belum ada bonggol jalan
- ✓ Jarak diantara bonggol tidak kurang 100m

PERMOHONAN TIDAK DIPERTIMBANG

- ✓ Permohonan Dibuat Secara Individu tidak disertai tandatangan / persetujuan penduduk lain
- ✓ Jalan – Jalan Utama dan mempunyai kadar trafik yang tinggi
- ✓ Jalan / Lorong mati yang panjang kurang dari 200m
- ✓ Kawasan Kedai / Pusat Komersial / Kawasan Perindustrian

Kesimpulan

Pembinaan bonggol jalan boleh diambil kira bagi lokasi yg tidak memenuhi syarat mengadakan “traffic light” dan ianya adalah satu pereda lalu lintas untuk mengurangkan kelajuan kenderaan dengan kadar banyak.

Maklumat yang terkandung di dalam buku ini adalah petikan asas drpd:-

- Arahan Teknik (Jalan) 2B/85,
- Arahan Teknik (Jalan) 2C/85,
- Arahan Teknik (Jalan) 2D/85,
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Amalan standard MBM.